



**KETUA PENDAFTAR  
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA  
REGISTRAR GENERAL  
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS**  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
*Department of Higher Education*  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-88706381  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>  
(Official Portal)

Ruj. Kami : JPT/GS 1000-617 Jld.1 (14)  
Tarikh : 23 Februari 2017

## **Semua Ketua Eksekutif Institusi Pendidikan Tinggi Swasta**

YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan,

### **MORATORIUM PENAWARAN PROGRAM PERUBATAN BAHARU DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan, Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 17 Ogos 2016 yang lalu telah bersetuju dengan pelanjutan **Memorandum Jemaah Menteri (MJM) Moratorium Penawaran Program Perubatan Baharu di Institusi Pendidikan Tinggi bagi tempoh 5 tahun mulai 1 Mei 2016 hingga 30 April 2021**. Moratorium ini juga terpakai di semua Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS).

3. Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dan mengarahkan pelaksanaan akan perkara-perkara seperti berikut:-

- 3.1 **tiada program perubatan yang baharu di peringkat ijazah sarjana muda; dan**
- 3.2 **tiada penambahan kuota pengambilan pelajar program perubatan di peringkat ijazah sarjana muda.**

4. Dengan pelaksanaan moratorium ini, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) tidak akan mempertimbangkan sebarang permohonan penubuhan institusi, fakulti dan program baru di peringkat ijazah sarjana muda untuk bidang perubatan sehingga moratorium ini ditarik semula.

5. Perhatian dan pertimbangan YBhg. Tan Sri/Dato' Seri/Datuk/Dato'/Prof./Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**(DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR)**

Ketua Pendaftar

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k.

1. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTS)  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi
2. Ketua Pegawai Eksekutif  
Agensi Kelayakan Malaysia  
Menara PKNS-PJ  
17, Jalan Yong Shook Lin  
46050 Petaling Jaya, Selangor
3. SUSK YB Menteri Pendidikan Tinggi  
Kementerian Pendidikan Tinggi
4. Pengarah  
Bahagian Governan IPTS  
Jabatan Pendidikan Tinggi
5. Pengarah  
Bahagian Penguatkuasaan dan Inspektorat  
Jabatan Pendidikan Tinggi
6. Pengarah  
Bahagian Pendaftaran dan Piawaian  
Jabatan Pendidikan Tinggi